# KENYATAAN MEDIA
# Media Release

## E-FILING BAGI BORANG BE, B, M, P DAN E BAGI TAHUN TAKSIRAN 2010

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2010 (BNCP 2010) melalui e-Filing bagi Borang BE, B, M, P dan E boleh dilakukan mulai 1 Mac 2011.

Perkhidmatan ini boleh dicapai terus melalui laman web e-Filing https://e.hasil.gov.my atau melalui laman web rasmi LHDNM www.hasil.gov.my.

LHDNM menyeru semua pembayar cukai mengemukakan borang nyata cukai pendapatan mereka segera dan tidak menunggu saat akhir bagi mengelakkan kesesakan talian.

Tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata bagi Borang BE, B, M, P dan E ialah:

| | |
|---|---|
| Majikan (Borang E) | 31 Mac 2011 |
| Pendapatan Selain Perniagaan Individu Bermastautin (Borang BE) | 30 April 2011 |
| Pendapatan Selain Perniagaan Individu **Tidak** Bermastautin (Borang M) | 30 April 2011 |
| Pendapatan Perniagaan Individu Bermastautin (Borang B) | 30 Jun 2011 |
| Pendapatan Perniagaan Individu **Tidak** Bermastautin (Borang M) | 30 Jun 2011 |
| Perkongsian (Borang P) | 30 Jun 2011 |

**Pembayar Cukai yang belum pernah menggunakan e-Filing** sebelum ini, perlu memohon nombor pin e-Filing terlebih dahulu melalui e-mel pin@hasil.gov.my atau menghubungi talian **1-300-88-3010**, manakala **pengguna e-Filing yang terlupa kata laluan** boleh set semula (*reset)* kata laluan e-Filing mereka dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

1. Klik ikon ‘ e-Filing’ pada Laman Web www.hasil.gov.my
2. Klik butang ‘terlupa kata laluan’
3. Masukkan nombor Kad Pengenalan
4. Pilih soalan bagi **petunjuk kata laluan**
5. Masukkan jawapan bagi petunjuk kata laluan dan tekan butang ‘Hantar’
6. Masukkan kata laluan baru, sahkan dan tekan butang ‘Hantar’
7. Login e-Filing
8. Lengkapkan Borang Nyata Cukai Pendapatan dan ‘Hantar’

Sekiranya pengguna e-Filing terlupa petunjuk kata laluan, mereka adalah dinasihatkan untuk menghubungi talian bantuan e-Filing di **03-4289 3535 (panggilan tempatan) dan +603-4289 3500 (panggilan antarabangsa) atau 1-300-88-3010**.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**


| | | |
|---|---|---|
| **Dikeluarkan oleh** | **:** | **Masrun bin Maslim**<br>**Pegawai Perhubungan Awam**<br>**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** |
| **Tarikh** | **:** | **25 Februari 2011** |
| **Nombor Telefon** | **:** | **03-6203 1380** |
| **Nombor Faks** | **:** | **03-6201 2434** |
| **Pusat Khidmat Pelanggan** | **:** | **1-300-88-3010** |

**www.hasil.gov.my**